



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

UHMS 1182 - 30

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

TUGASAN KUMPULAN

ETIKA MASYARAKAT DI JEPUN

AHLI KUMPULAN :

1. AMIRUL IMAN BIN AHMAD KEFLEE (A20EC0183)
2. MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN ZULKIFLI (A20EC0208)
3. MUHAMMAD HAFIZZUL BIN ABDUL MANAP (A20EC0211)
4. MUHAMMAD FAIZ AIMAN BIN FAKHRURRAZI (A20EC0209)
5. MUHAMMAD SYAZWAN BIN SAHDAN (A20EC0217)

PENSYARAH : ENCIK HUSAIN MAHMOOD

ETIKA MASYARAKAT DI JEPUN

1.0. Pendahuluan

Peradaban dalam sesebuah masyarakat wujud apabila telah mencapai kriteria-kriteria yang tertentu. Sebagai contohnya, faktor kawasan boleh menjadi sebab yang membawa kepada kewujudan sesebuah peradaban disebabkan kawasan-kawasan yang mempunyai sumber makanan, minuman serta tempat tinggal membantu masyarakat untuk kekal menjalani kehidupan di sana. Selain itu, antara faktor lain adalah faktor sistem organisasi. Sebagaimana yang kita tahu, pada harini, organisasi yang tertinggi yang menjaga sesebuah negara ialah pemerintah. Oleh itu, hal ini tidak menjadi asing untuk menyatakan bahawa seseorang ketua atau pemerintah mampu mewujudkan sebuah peradaban di sesuatu tempat. Dalam hal ini, sebuah kajian telah dijalankan bagi mencari beberapa ilmu pengetahuan tentang perkembangan sesebuah peradaban dan etika di suatu tempat. Oleh itu, etika masyarakat di Jepun merupakan salah satu kajian yang wajar dibentangkan kerana pada masa ini, negara Jepun terkenal dengan budaya-budaya mereka yang sangat unik serta mempamerkan nilai-nilai murni. Oleh itu, sebagai manusia yang mementingkan etika dalam kehidupan seharian, kita haruslah mendalami serba sedikit tentang peradaban di Jepun agar mampu menjadikan mereka sebagai contoh untuk berjaya pada masa hadapan.

2.0. Definisi

2.1 Etika Secara Am

Etika merupakan satu bidang yang sudah menjadi perkara lazim dalam kalangan ahli-ahli falsafah di seluruh dunia. Etika ini membawa maksud tatacara yang betul dan kelakuan yang baik dalam menentukan dan menjamin kehidupan manusia yang baik. Menurut ahli falsafah, etika merupakan suatu perkara yang sangat meluas kerana etika meliputi semua perkara yang melibatkan aktiviti harian manusia. Tujuan ahli-ahli falsafah dalam menjalankan penyelidikan tentang etika ini adalah bagi memastikan setiap manusia di muka bumi dapat menjalani kehidupan mereka dengan baik dan sempurna. Apabila setiap manusia yang hidup di bumi ini menggunakan panduan etika yang disediakan oleh para ahli falsafah dengan baik, maka dunia ini akan dipenuhi dengan kehidupan yang harmoni tanpa kewujudan sebarang perilaku yang jahat yang dapat merosakkan dunia.

2.1 Masyarakat Jepun

Masyarakat Jepun merupakan manusia yang hidup di Jepun serta mengamalkan budaya-budaya Jepun. Berdasarkan statistik, bilangan masyarakat yang berketurunan Jepun yang hidup pada masa ini adalah dalam lingkungan 130 juta orang. Masyarakat Jepun secara dasarnya bertutur kata menggunakan bahasa Jepun. Bahasa Jepun yang merupakan bahasa ibunda masyarakat Jepun, mempunyai perbezaan yang ketara berbanding bahasa Inggeris yang dijadikan sebagai bahasa Antarabangsa. Namun begitu, pada hari ini, bahasa Jepun kian menjadi terkenal di seluruh dunia selepas negara Jepun meluaskan ekonominya di seluruh dunia.

3.0 Negara Jepun

3.1 Kedudukan

Jepun merupakan sebuah negara kepulauan yang terletak di bahagian Asia Timur dan berada di barat laut Lautan Pasifik. Ianya dipisahkan oleh Laut Jepun di sebelah Barat dan membentang dari Laut Okhotsk di utara sehingga ke Laut Cina Timur dan selatan Taiwan. Jepun yang juga merupakan negara yang terletak di atas Lingkaran Api Pasifik, merupakan sebuah kepulauan yang terdiri daripada 6852 pulau kecil yang lain yang merangkumi 377,975 kilometer persegi. Antara pulau utama di Jepun ialah Hokkaido, Honshu, Shikoku, Kyushu, and Okinawa. Tokyo merupakan ibu negara Jepun dan juga bandar terbesar di Jepun selain Yokohama, Osaka, Nagoya, Fukuoka, Kobe, dan Kyoto. Jepun merupakan negara yang ke-11 paling ramai penduduk di dunia dan juga salah satu negara yang paling padat dengan penduduk dan bandar. Kira-kira tiga daripada empat kawasan di Jepun adalah kawasan pergunung, dengan jumlah penduduknya seramai 125.57 juta di kawasan pantai yang sempit. Disebabkan kawasan berbukit, lebih kurang 67% dari keseluruhan Jepun tidak boleh didiami. Kawasan yang boleh diduduki adalah tertumpu di kawasan pesisir pantai. Jepun dibahagikan kepada 47 wilayah pentadbiran dan lapan wilayah tradisional. Tokyo adalah bandar metropolitan yang padat dengan penduduknya di dunia, kira-kira lebih dari 37.4 juta penduduk.

3.2 Peta



Gambar 1.0 : Peta kedudukan negara Jepun

4.0 Latar Belakang Peradaban Jepun

4.1 Maharaja Meiji

Maharaja Meiji merupakan seorang pemerintah Jepun dari tahun 1868 sehingga tahun 1912. Maharaja Meiji boleh dianggap sebagai insan yang membawa kepada kemajuan dan pembentukan negara Jepun yang dapat kita lihat pada hari ini. Sebelum pemerintahan beliau, Jepun telah diperintah oleh seorang pemerintah yang bernama Shogun Tokugawa. Shogun Tokugawa telah memerintah Jepun selama 200 tahun dan sepanjang pemerintahan beliau, struktur kerajaan ketika itu ialah satu sistem berbentuk feodal. Sebagaimana yang kita ketahui, sistem feodal merupakan satu bentuk pemerintahan yang memberikan seseorang pemerintah berada di kemuncak struktur kerajaan dan mempunyai kuasa yang mutlak. Namun begitu, setelah Maharaja Meiji mengambil alih sebagai pemerintah, beliau telah menamatkan sistem feodal yang hanya mementingkan keuntungan kepada pemerintah.



Gambar 2.0 : Maharaja Meiji

4.2 Sumbangan Maharaja Meiji

Maharaja Meiji boleh digelar sebagai bapa pembangunan Jepun. Hal ini kerana beliau merupakan pemerintah yang membawa kepada pembentukan negara Jepun yang maju. Sepanjang pemerintahannya, beliau menjadi pemerintah yang pertama dalam membawa masuk idea-idea dan inovasi dari Barat. Melihat kepada pemerintahan Shogun Tokugawa, beliau bersifat dengan perasaan anti-Barat dengan menolak segala idea-idea Barat yang boleh membawa kepada kehilangan identiti masyarakat Jepun. Hal ini berlainan daripada pemikiran Maharaja Meiji, beliau membawa masuk idea-idea dan inovasi ini kerana beliau beranggapan bahawa idea ini mampu membawa perubahan ketara kepada masyarakat Jepun yang ketika itu berada dalam keadaan mundur.

4.3 Gerakan Restoration

Selain itu, sumbangan utama yang dibawa oleh Maharaja Meiji dapat dilihat daripada gerakan Restoration. Gerakan ini telah diperkenalkan oleh Maharaja Meiji sendiri, yang jelas membawa kepada kebangkitan masyarakat di Jepun. Gerakan Restoration telah banyak memberi sumbangan dari pelbagai aspek. Aspek yang pertama ialah aspek politik, iaitu beliau telah menamatkan sistem feodal dan memperkenalkan sistem pemerintahan baharu. Aspek yang kedua ialah aspek ekonomi. Dalam hal ini, beliau mendapati masalah dalam jual beli dalam kalangan masyarakat Jepun. Melihat daripada permasalahan itu, beliau telah memperkenalkan sistem wang yang seragam bagi memudahkan urusan jual beli masyarakat. Seterusnya, bagi aspek sosial pula, Maharaja Meiji mementingkan aspek pendidikan dengan menanam sifat cinta akan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Jepun. Sumbangan dari aspek agama telah

memberi ilham kepada beliau untuk mementingkan taat setia rakyat Jepun terhadap pemerintah dalam masyarakat. Hal ini kerana beliau percaya bahawa ketaatan masyarakat terhadap pemerintah menjadi simbol kepada kekuatan sesebuah struktur kerajaan. Akhir sekali, aspek ketenteraan pula memberi ruang kepada Maharaja Meiji untuk menguatkan angkatan tentera laut dan udara bagi mengukuhkan lagi keselamatan negara Jepun daripada ancaman luar.

5.0 Ciri-Ciri Masyarakat Beretika di Jepun

5.1 Menepati Masa

Amalan menepati masa ini amat sinonim dengan masyarakat Jepun kerana hampir setiap perkara dalam kehidupan masyarakat Jepun perlulah tepat iaitu tidak terlalu lewat atau terlalu awal. Hal yang demikian kerana masyarakat Jepun diterapkan untuk sentiasa menghargai masa bukan sahaja dalam pekerjaan atau dalam servis pengangkutan semata-mata tetapi dalam seluruh kehidupan seharian masyarakat Jepun. Mereka amat menghargai masa walaupun sesaat sehingga mereka jarang menggunakan masa yang ada untuk melepak atau melakukan aktiviti tidak berfaedah. Hal ini demikian kerana masyarakat Jepun dididik sejak kecil di bangku sekolah untuk sentiasa mengikut jadual dalam kehidupan seharian. Bermula di sekolah para pelajar masyarakat Jepun akan sampai lebih awal dari masa kelas bermula kerana mereka boleh bersedia mengulang kaji pelajaran atau membersihkan kelas. Seterusnya sebab kerana mereka sampai lebih awal dari masa kelas bermula adalah kerana mereka mestilah sampai lebih awal dari guru memulakan pengajian. Hal ini demikian kerana mereka amat menghormati guru mereka dan tindakan menghadiri kelas lebih lewat dari guru adalah dianggap biadab ke atas guru tersebut kerana mereka merasakan telah membuat guru tersebut menunggu kedatangan mereka. Hal ini menyebabkan masyarakat Jepun itu amat peka akan masa dan ini mempengaruhi kehidupan mereka sehingga dewasa. Bermula dari bangun pagi masyarakat Jepun akan dididik untuk bangun tepat pada waktu ketika penggera berbunyi dan memulakan rutin pagi. Mereka tidak akan membuang masa ketika bersiap untuk tempat kerja malahan setiap aktiviti yang dilakukan adalah cepat dan tangkas. Seterusnya masyarakat Jepun akan tidak membazir masa menunggu pengangkutan awam untuk ke tempat kerja kerana mereka akan mesti mengetahui waktu perjalanan pengangkutan

awam dan memilih waktu perjalanan yang sesuai dengan kedudukan rumah dengan tempat kerja mereka agar mereka sampai lebih awal atau tepat pada waktu. Tujuan mereka mengetahui waktu perjalanan pengangkutan awam kerana sekiranya mereka tidak mengetahui masa perjalanan pengangkutan awam mereka akan sampai lebih awal atau lebih lewat dari masa ditetapkan menyebabkan mereka akan membuang masa menunggu kedatangan pengangkutan awam. Seterusnya masyarakat Jepun ini dididik untuk sampai lebih awal dari masa yang ditetapkan seperti ke tempat kerja atau mempunyai temu janji dengan orang lain. Kebiasaannya mereka akan sampai 10 minit lebih awal dari masa yang ditetapkan untuk mempersiapkan diri mereka dan menyebabkan mereka tidak kelam-kabut mengejar masa. Selain itu, mereka tidak suka untuk membiarkan orang lain menunggu mereka kerana merasakan tindakan ini tidak sopan ke atas orang tersebut.

5.2 Menjaga Kebersihan

Amalan menjaga kebersihan juga adalah sinonim dalam kehidupan masyarakat Jepun kerana sekiranya pelancong pergi ke tempat awam atau kawasan pelancongan di Jepun, jarang mereka akan menjumpai sampah sarap dibuang merata-rata amat mementingkan kebersihan dalam kehidupan seharian mereka. Antara tindakan dilaksanakan untuk mengekalkan kebersihan awam adalah mereka tidak mengambil pekerja asing tetapi lebih mengutamakan pekerja tempatan. Hal ini kerana mereka melihat tahap kebersihan yang diamalkan oleh orang asing ini adalah rendah dan hal ini akan mencemarkan kebersihan di kawasan awam atau perumahan. Selain itu, mereka pekerja asing ini tidak ada rasa cinta akan tanah air negara Jepun ini tidak seperti masyarakat Jepun yang melihat kebersihan itu adalah imej negara Jepun jadi setiap ahli masyarakat perlu memikul tanggungjawab memelihara kebersihan di kawasan awam. Masyarakat Jepun jarang mempunyai kenderaan bermotor kerana mereka tidak mahu melakukan pencemaran terhadap alam sekitar. Hal ini menyebabkan kebanyakan ahli masyarakat lebih memilih pengangkutan awam dan menggunakan basikal untuk pergi ke mana-mana tempat. Selain itu, mereka lebih selesa berjalan kaki untuk ke sesuatu tempat dari menaiki kenderaan bermotor yang membawa pencemaran alam kerana tahap cinta akan kebersihan itu amat tinggi dalam masyarakat Jepun. Di samping itu salah satu perkara yang amat dijaga masyarakat Jepun adalah tandas awam mereka. Kebiasaan tandas awam

ini sering dilihat kotor tetapi berbeza dengan tandas awam di Jepun di mana tahap kebersihan amat bersih sehingga tiada air bertakung atau kotoran di tandas awam ini. Setiap kali mereka menggunakan tandas pasti mereka akan mengelap dengan tisu tempat duduk tandas tersebut untuk mengelakkan kekotoran. Seterusnya, amalan kebersihan ini juga adalah usaha sama kerajaan Jepun itu sendiri yang menyediakan banyak tong sampah di kawasan awam mahupun kawasan perumahan kerana hal ini memudahkan masyarakat Jepun memelihara kebersihan persekitaran. Mengapakah tahap kebersihan di Jepun amat tinggi? Hal ini kerana masyarakat Jepun itu dididik sejak kecil di sekolah untuk jadi pembersih. Di sekolah setiap kali habis waktu pembelajaran mereka akan membersihkan kelas seperti mereka membersihkan rumah. Kelas mereka dianggap seperti rumah mereka sendiri. Mereka tidak dibenarkan memakai kasut tetapi hanya dibenarkan memakai selipar khas ketika di sekolah. Oleh itu, ini menerapkan mereka mengamalkan amalan kebersihan dalam diri mereka.

5.3 Budaya Kerja yang Tinggi

Budaya kerja yang tinggi amatlah perlu dicontohi seperti masyarakat Jepun itu sendiri mempunyai semangat kerja dan disiplin yang tinggi ketika bekerja kerana pada era selepas peperangan dunia ke-2. Masyarakat Jepun itu gigih untuk bangkit semula setelah pengeboman bandar Nagasaki dan Hiroshima dan walaupun masyarakat Jepun telah bangkit dan maju sehingga sekarang tetapi budaya kerja yang tinggi ini terus tertanam dalam diri masyarakat Jepun sendiri. Antara budaya kerja masyarakat Jepun adalah mereka amat bekerja keras ketika waktu kerja. Mereka akan serius dalam melakukan kerja dan hanya berehat ketika waktu rehat. Mereka akan menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja mereka dan tidak akan membuang masa bersebang atau berehat ketika waktu kerja. Mereka juga merupakan seorang yang pemalu menyebabkan mereka bagi mereka melakukan dengan tidak efektif adalah suatu perkara yang amat memalukan dalam diri mereka menyebabkan mereka gigih dalam pekerjaan agar kualiti kerja itu terpelihara. Di samping itu, walaupun waktu kerja yang panjang dari awal pagi sehingga waktu malam kebiasaan masyarakat Jepun akan bekerja lebih masa kerana pulang awal atau tepat pada masa kerja adalah suatu perkara yang biadab bagi pekerja lain menyebabkan ramai pekerja Jepun akan kerja lebih masa tanpa mengharapkan gaji

lebih. Seterusnya semangat kesetiaan yang ditunjukkan masyarakat Jepun dalam suatu pekerjaan amat perlu dicontohi kerana ramai pekerja Jepun akan bekerja di dalam suatu syarikat atau suatu profesion pekerjaan untuk suatu jangka masa yang panjang seperti suatu temubual telah diadakan antara pekerja syarikat SONY, dalam temubual tersebut telah mendapati pekerja yang ditemu bual mempunyai pengalaman kerja 20-30 tahun dalam syarikat tersebut. Apabila ditanya mengapa mereka tidak berubah tempat pekerjaan mereka akan mengatakan bahawa mereka sudah berasa sayang dan setia terhadap syarikat SONY ini dan tidak terfikir mahu bertukar kerja di tempat lain. Selain itu, kebanyakan orang bekerja lebih lama di suatu tempat kerana imbuhan gaji yang lebih lumayan diberikan terhadap pekerja yang lebih senior. Selepas itu, budaya kerja yang bekerjasama diterapkan dalam budaya kerja Jepun. Mereka akan melakukan kerja sebagai suatu kumpulan dan amalan kerjasama ini diterapkan agar produktiviti kerja akan lebih efisien.

5.4 Rajin membaca

Amalan orang Jepun yang berdisiplin dalam membaca merupakan amalan yang perlu dicontohi oleh setiap pihak kerana amalan ini memberikan penekanan kepada diri untuk menghargai ilmu pengetahuan dan tidak membazirkan masa dengan aktiviti tidak berfaedah. Menurut kajian yang dilakukan oleh sesetengah pihak mendapati purata masyarakat Jepun membaca buku adalah 10 buku manakala dalam setahun nisbah bacaan bagi seorang rakyat Jepun adalah 1:17. Sekiranya dibandingkan dengan rakyat Malaysia purata pembacaan buku dalam setahun dalam jangka masa 1996-2005 adalah 2 buku. Hal ini menyebabkan mengapa negara Jepun diangkat martabat mereka dalam amalan pembacaan buku. Masyarakat Jepun itu sekiranya sedang menunggu sesuatu perkara akan meluangkan masa sebentar untuk membaca bahan ilmiah seperti berada di pengangkutan awam menunggu sampai di tempat kerja mereka akan meluangkan masa 5-10 minit membaca bahan ilmiah sehingga sampai ke tempat kerja. Sekiranya terdapat pelancong dari Jepun datang melawat ke negara Malaysia pasti mereka tetap akan mengamalkan amalan membaca ini kerana amalan ini diterap dari kecil tidak kira untuk orang tua atau kanak-kanak akan mengamalkan amalan membaca ini di mana-mana sahaja. Seterusnya, amalan membaca ini diterapkan dari kecil lagi. Antara salah satu usaha penerapan amalan membaca adalah sejak di sekolah lagi apabila

kerjasama antara para pengeluar manga yang mendedahkan karikatur sebagai satu wadah untuk menyampaikan ilmu dalam buku teks. Hal ini menyebabkan para pelajar lebih minat untuk membaca bahan ilmiah. Seterusnya, usaha penterjemahan buku dalam bahasa luar kepada bahasa Jepun kerap dilakukan oleh syarikat editor kerana mengambil kira kebanyakan masyarakat Jepun tidak menguasai bahasa selain bahasa ibunda mereka sendiri menyebabkan lebih banyak buku yang diterjemahkan kepada bahasa Jepun dilakukan untuk menarik minat pembaca membaca buku. Selepas itu, negara Jepun itu amat terkenal dengan pengeluaran manga Jepun iaitu karikatur seperti One Piece, Naruto Shippuden dan Gintama. Hal ini menyebabkan bagi insan baru jinak membaca boleh memulakan bahan bacaan dengan manga ini kerana bahan ini bukan hanya untuk hiburan semata-mata tetapi terdapat manga yang boleh meningkatkan pengetahuan awam seperti Dr. Stone. Manga ini dapat meningkatkan pengetahuan awam memupuk minat membaca sehingga mula membaca bahan ilmiah .

5.5 Menghormati Orang Lain

Amalan menghormati orang lain ini perlu dipupuk dalam kalangan setiap insan seperti mana masyarakat Jepun yang tinggi martabat mereka dalam menghormati orang lain atau orang luar kerana apabila pelancong asing datang ke negara Jepun pasti mereka akan dilayan dengan sebaik mungkin kerana hal ini memberi gambaran yang baik terhadap masyarakat Jepun .Justeru setiap ahli masyarakat Jepun itu perlu menunjukkan imej masyarakat Jepun yang peramah dan sedia membantu. Sikap hormat-menghormati ini dapat ditunjukkan oleh masyarakat Jepun dengan beradab ketika melayan dan melayan kerenah orang lain terutama orang asing. Seterusnya sikap hormat -menghormati antara orang muda kepada orang tua, anak kepada ibubapa dan pekerja kepada pegawai atasan adalah suatu perkara elemen hormat-menghormati yang ada dalam masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun menunjukkan rasa hormat dengan memanggil gelaran yang baik seperti “-sama” iaitu panggilan hormat yang tertinggi iaitu (tuan atau paling mulia). Seterusnya dalam amalan hormat-menghormati antara pekerja dan pegawai atasan adalah ketika majlis minum bisnes iaitu terdapat kedudukan dalam tempat duduk sebagai tanda hormat pekerja terhadap pegawai atasan iaitu orang yang paling berpangkat tinggi perlu duduk paling jauh atau dalam dari pintu keluar, orang berpangkat tinggi yang lain

akan duduk berdekatan dengan ketua tersebut dan pekerja-pekerja yang lain akan duduk berdekatan dengan pintu. Seterusnya antara kebiasaan tanda hormat masyarakat Jepun adalah dengan tunduk sebagai suatu penghormatan seperti tunduk hormat ini perbezaan dari segi darjah tunduk itu seperti tunduk sapaan (“eshaku”) iaitu 15’ untuk tanda hormat terhadap rakan lain yang sama pangkat dan tunduk hormat (“keirei”) iaitu 30’ sebagai tanda hormat kepada guru atau bos. Hal ini adalah antara contoh tanda penghormatan yang diberikan oleh masyarakat Jepun antara satu sama lain dari segi gelaran ketika berjumpa dan bercakap yang sopan dan ketika majlis.

6.0 Kesan Pengamalan dan Penerapan Etika dalam Kalangan Masyarakat Jepun

Pengamalan nilai moral dan etika ini telah lama dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Jepun sejak dahulu lagi. Amalan amalan yang baik ini masih diteruskan sehingga kini dan kesannya telah banyak memberikan perkara yang baik dan positif untuk memajukan negara Jepun. Kesan kesan ini boleh diperhatikan dari segi ekonomi, sosial dan politik.

6.1 Ekonomi

a. Rajin

Masyarakat Jepun amat dikenali sebagai bangsa yang memiliki etika kerja yang terbaik berbanding bangsa bangsa lain di dunia. Mereka adalah bangsa yang rajin bekerja serta bersungguh sungguh melaksanakan tanggungjawab yang diberi. Menurut perangkaan kajian tentang etika kerja sebelum Perang Dunia Kedua, seorang buruh di Jepun bekerja selama 12 jam sehari. Menjelang 1980-an, rata-rata buruh industri di Jepun bekerja selama lebih dari 2200 Jam setahun. Perangkaan ini melebihi negara-negara barat seperti Amerika Syarikat dan Britain iaitu hanya 1950 Jam, Perancis 1700 jam dan Jerman 1600 jam setahun. Keadaan ini memperlihatkan bahawa bangsa Jepun adalah bangsa yang kuat bekerja.

Masyarakat Jepun terpaksa rajin untuk meneruskan hidup. Seperti yang umum mengetahui, Jepun adalah sebuah negara kepulauan yang hanya 25 peratus kawasan yang boleh diduduki, 8 peratus kawasan yang sesuai untuk aktiviti pertanian dan sumber bahan mentah yang kurang. Tambahan pula, penduduk Jepun adalah melebihi

120 juta orang. Justeru itu, seandainya penduduk Jepun tidak rajin bekerja maka mereka pastinya akan mati kebuluran.

Tambahan pula, seluruh dunia mengatakan bahawa bangsa Jepun merupakan bangsa yang rajin. Oleh itu, ia merupakan tanggungjawab mereka untuk membuktikan kata-kata tersebut adalah benar. Menurut kepercayaan Shinto, bangsa Jepun merupakan bangsa yang terpilih untuk memimpin bangsa-bangsa lain. Ianya menjadi tanggungjawab pada mereka untuk meneruskan kewajipan yang dianugerahkan.

b. Berjimat cermat

Orang Jepun memiliki sifat berjimat cermat yang tinggi. Ianya merupakan kesan pelaksanaan etika dalam kehidupan mereka dan juga kesan dari pengaruh zaman dahulu iaitu mereka dituntut supaya menjalani kehidupan yang sederhana dan sentiasa memikirkan tentang kehidupan masa hadapan. Tambahan pula corak hidup yang menjalankan ekonomi bercorak penanaman padi amat menuntut sikap berjimat cermat kerana hasil pendapatan diperolehi hanya sekali dalam setahun. Justeru itu, mereka harus bijak dalam menguruskan kewangan mereka.

Menurut perangkaan, pada tahun 1960-an orang Jepun menyimpan sebanyak 18% daripada kadar pendapatan mereka, Jumlah tersebut adalah yang tertinggi di dunia berbanding dengan negara lain seperti Amerika Syarikat sebanyak 6 peratus, Perancis sebanyak 8 peratus, Jerman Barat sebanyak 13 peratus dan Britain sebanyak 5 peratus.

c. Perancangan yang Teliti

Dalam organisasi ketenteraan Jepun, setiap perancangan yang dibuat pasti diatur dengan teliti dan berhati-hati. Hal ini kerana, setiap misi yang ingin dijalankan merupakan penentuan antara hidup atau mati yang menyebabkan perancangan yang teliti menjadi tuntutan di dalam setiap peperangan.

Kaedah ini adalah sama seperti yang telah dipraktikkan di dalam etika pengurusan ekonomi Jepun pada hari ini. Setiap pengurus syarikat pastinya menyusun

perancangan yang teliti bagi syarikatnya. Perancangan tersebut pula dirangka dalam jangkamasa yang lama sebelum ia dilaksanakan. Segala penilaian tentang kesan buruk atau baik dikenal pasti bagi memudahkan persediaan untuk menghadapi sebarang risiko. Selain dari itu, setiap ahli kumpulan yang terlibat di dalam merangka perancangan adalah bertanggung jawab ke atas sebarang kemungkinan. Keadaan ini mendorong sikap dalam membuat keputusan oleh bangsa Jepun iaitu keputusan dibuat secara kolektif. Sikap seumpama ini penting agar setiap orang yang terlibat merasa bertanggung jawab terhadap perancangan yang dibuat.

6.2 Sosial

a. Berserah kepada Autoriti

Orang Jepun amat patuh kepada autoriti. Idea tentang autoriti melebihi undang-undang dan keadilan dalam masyarakat bermula sejak zaman feudal di Jepun. Pahlawan di Jepun sentiasa mengiyakan perintah dan kata-kata pemimpin mereka. Sifat patuh adalah polisi rakyat untuk melindungi dirinya sendiri. Ia juga telah melahirkan sifat yang taat kepada pemimpin dan ketua.

Idea patuh terhadap autoriti berterusan sehingga ke hari ini dan membentuk sifat sosial orang Jepun yang begitu menghormati pegawai kerajaan dan berbudi bahasa serta cepat meminta maaf bila berurusan dengan pegawai atau orang atasan.

Selain dari itu, etika kesateriaan juga menuntut kepatuhan terhadap peraturan dan berdisiplin. Peraturan adalah landasan untuk memudahkan mengawasi dan mentadbir masyarakat. Dengan adanya peraturan juga, masyarakat dapat di bahagikan mengikut kumpulan tertentu untuk ditadbir. Tambahan pula, peraturan diwujudkan adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia, Justeru itu, golongan samurai amat mematuhi peraturan. Dari segi ketamadunan pula, masyarakat yang menghormati dan patuh pada undang-undang adalah ciri-ciri masyarakat yang bertamadun.

b. Perasaan hormat

Orang Jepun sering dikatakan tenang, pendiam dan begitu menghormati orang lain. Sebenarnya ia juga adalah rentetan daripada sikap patuh dimana pada mereka, memuaskan hati semua orang adalah lebih baik kerana tidak akan mendatangkan permusuhan. Selain itu juga, mereka sentiasa menghormati orang tua dan sentiasa mengamalkan sikap yang disukai oleh orang lain terutamanya orang yang lebih berpengalaman serta tidak sekali-kali membantah. Oleh itu, ia melahirkan sikap menghormati orang dan bersopan santun. Justeru itu, masyarakat Jepun kini amat menghormati orang lain terutamanya golongan yang lebih tua dan lebih berpengalaman. Memberi penghormatan dengan menundukkan kepala masih kelihatan di jalan-jalan di Tokyo dan adat seumpama itu adalah sumbangan dari zaman pertengahan Jepun.

c. Murah Hati

Pada zaman dahulu, Kelas samurai adalah kelas yang disanjung tinggi. Kedudukan istimewa itu tidak memungkinkan bagi mereka bergaul dengan kelas lain. Justeru itu mereka sentiasa mementingkan soal moral dan etika yang tinggi setaraf dengan kedudukan mereka seperti berbudi dan bersopan. Ia adalah ciri-ciri semula jadi yang terbentuk daripada pembentukan prinsip moral masyarakat yang mempunyai hirarki seperti di Jepun.

Sehubungan dengan itu, prinsip etika yang diaplikasikan oleh orang Jepun juga telah memiliki ciri sama. Secara keseluruhannya, orang Jepun telah menganggap bahawa bangsa mereka adalah bangsa yang terpilih oleh dewa bagi memimpin manusia. Dan kerana faktor tersebut juga telah mendorong bagi orang Jepun untuk mengelakkan diri daripada bercampur gaul dengan bangsa lain. Keadaan ini telah membawa sifat yang sama sebagaimana yang dimiliki oleh kaum samurai. Kesan dari kurangnya perhubungan dan pergaulan dengan bangsa lain, ianya membolehkan mereka untuk memiliki budi Bahasa yang tinggi sesuai dengan persekitaran mereka. Kesabaran yang dimiliki mereka juga amat tinggi. Hal ini berlawanan dengan bangsa yang mengalami pelanggaran dengan bangsa lain dimana mereka kurang untuk mengakui kesalahan mereka sendiri.

Idea tentang keluhuran budi adalah amat berkaitan dengan konsep meminta maaf sebagai lambang kesopanan. Bagi orang Jepun, meminta maaf adalah perkara yang biasa dalam segala hal meskipun bukan kesilapannya. Keadaan ini berbeza dengan bangsa Eropah. Meskipun bangsa Eropah mudah meminta maaf tetapi hanyalah dalam perkara yang remeh dan tidak melibatkan ganti rugi seperti tersentuh dengan tidak sengaja. Orang Jepun lebih berani mengakui kesilapannya berbanding bangsa lain. Keadaan itu telah mencerminkan bahawa dari aspek moralnya, orang Jepun adalah lebih bertanggungjawab.

6.3 Politik

a. Semangat Patriotik dan Nasionalisme yang Tinggi

Orang Jepun memiliki semangat patriotik yang kuat terhadap bangsa dan negaranya. Semangat tersebut telah membawa satu kesedaran kepada bangsa Jepun untuk mempertahankan sempadan mereka dengan memperkukuhkan modal sosial atau modal budayanya terutamanya budaya bahasa. Hakikatnya hari ini, bangsa Jepun amat menyanjung tinggi bahasanya. Orang Jepun meskipun fasih berbahasa Inggeris namun mereka tetap menggunakan bahasa Jepun tanpa mencampur adukkannya dengan bahasa Inggeris. Keadaan ini juga adalah berkaitan dengan menerapkan nilai etika yang masih tebal di kalangan orang Jepun iaitu mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mempertahankan hak budaya dan tanah air mereka.

Semangat nasionalisme yang tinggi jelas kelihatan semasa era peperangan di Jepun iaitu semasa perang China-Jepun, Perang Rusia-Jepun, Perang Manchuria dan Perang Dunia Kedua, dimana bangsa Jepun telah bersatu menentang negara lawannya meskipun ketika itu di Jepun sedang berlaku perbalahan politik. Untuk mencapai kesepakatan di kalangan bangsa Jepun juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada peperangan. Dengan perkataan lain, bangsa Jepun akan bersatu jika ia melibatkan soal perbalahan dengan bangsa lain. Ini membuktikan bahawa bangsa Jepun mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Semasa Perang Dunia Kedua juga, tentera Jepun di Asia Tenggara telah cuba menerapkan budaya mereka iaitu seperti mengajar lagu kebangsaan Jepun di kalangan penduduk tempatan, mengadakan peraturan tunduk hormat dan menyemaikan ciri disiplin diri yang tinggi. Keadaan ini mencerminkan bahawa walaupun bangsa Jepun berada di luar negaranya namun ciri-ciri kebudayaan dan corak hidup mereka tetap terpelihara kerana bangsa Jepun sememangnya merupakan bangsa yang mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi.

b. Tidak Terlalu Taksud dengan Parti Politik

Orang Jepun telah disemaikan dengan sikap patuh pada ketua dan maharaja adalah ketua tertinggi yang telah mencapai tahap ketuhanan. Prinsip kepatuhan itu telah melahirkan sikap tidak terlalu taksud dengan perkembangan parti politik di Jepun kerana bagi orang Jepun, biar siapapun yang menerajui parti politik, mereka tetap di bawah naungan maharaja. Oleh sebab itu, media massa di Jepun jarang membicarakan tentang keluarga Maharaja. Hal ini kerana, bagi mereka Maharaja merupakan insan yang sempurna dan tidak lagi perlu membincangkan soal mereka. Justeru itu, di Jepun jarang berlaku perbalahan di antara parti politik dan tidak kedengaran tentang rusuhan dan bantahan yang dilakukan oleh rakyat yang disebabkan oleh perihal politik.

Tambahan pula, konsep kenegaraan Jepun melalui ideologi kokutai menganggap pentadbiran negara Jepun sebagai sebuah institusi keluarga iaitu Maharaja dianggap sebagai bapa kepada seluruh rakyat Jepun (honke). Manakala pemimpin pula umpama ahli keluarga yang lebih tua dan berpengalaman (bunke). Maharaja adalah sokongan psikologi dan penyatuan bagi bangsa Jepun kerana hubungan antara maharaja dan rakyat umpama hubungan bapa dan anak. Justeru itu, rakyat Jepun harus patuh dan memberikan kesetiaan tanpa sebarang persoalan. Maharaja adalah segala tindakan dan emosi rakyat. Institusi kemaharajaan yang masih kekal sehingga ke hari ini juga adalah kerana sumbangan penerapan nilai etika dalam diri setiap bangsa Jepun.

7.0 Iktibar Dari Peradaban Masyarakat Jepun

7.1 Berdisiplin Tinggi Dalam Memberi Komitmen

Umum kita mengetahui bahawa kerajinan rakyat jepun ini tiada tandingannya. Purata waktu pekerjaan mereka merupakan antara yang tertinggi jika dibandingkan dengan negara lain. Purata waktu pekerjaan di Jepun ialah 2450 jam per tahun iaitu satu nilai yang tinggai jika dibandingkan dengan Amerika iaitu 1957jam per tahun, United Kingdom 1911 jam per tahun manakala Jerman 1870 jam per tahun. Yang menariknya jika anda merupakan pekerja di sebuah syarikat di Jepun dan anda pulang awal dari kerja, anda akan dipandang serong oleh masyarakat Jepun kerana ianya dianggap biadap. Syarikat-syarikat di Jepun merasakan pekerja yang pulang awal merupakan pekerja yang tidak berguna. Ini menunjukkan betapa hebatnya budaya mereka.

Budaya ini telah menjadi faktor utama dalam kejayaan negara Jepun dan telah dibuktikan sejak dari bertahun lamanya. Jika dibandingkan dengan negara Malaysia, ini telah menjadi suatu yang berbeza kerana kebanyakan rakyat Malaysia itu sendiri bersusah payah mencari alasan untuk pulang awal seperti mengelakkan trafik, mengambil anak pulang dari sekolah dan sebagainya. Tidak dinafikan setiap orang mempunyai masalah tersendiri namun jika dibandingkan dengan pekerja di Jepun yang bekerja dari subuh pagi sehingga ke tengah malam, di manakah nilai waktu yang kita telah manfaatkan seharian? Ada baiknya jika kita mempunyai 8jam waktu bekerja, kita memanfaatkannya sebaiknya tanpa menanggukkan sebarang kerja agak mewujudkan satu budaya kerja yang lebih produktif.

7.2 Bangga Dengan Budaya

Walaupun negara Jepun mengalami perkembangan teknologi dan ekonomi yang semakin maju, rakyat negara Jepun tidak pernah lupa akan tradisi yang kekal lama. Contohnya budaya di mana wanita yang berkahwin untuk tidak bekerja masih lagi kekal sehingga ke hari ini. Hal ini kerana wanita di negara Jepun memahami tanggungjawabnya di rumah untuk menguruskan rumah manakala si suami akan bertungkus lumus berusaha menguruskan hal perbelanjaan. Selain itu merka juga masih mengekalkan budaya

meminta maaf dalam kehidupan seharian. Budaya ini menjadi cerminan bahawa rakyat negara Jepun sangat bertimbang rasa dan memikirkan tentang orang lain. Jika anda melancong di negara Jepun dan anda melanggar seorang rakyat Jepun, tidak hairan sekiranya yang dilanggar tersebut yang akan meminta maaf. Ini menunjukkan kesantunan rakyat negara Jepun dan ini merupakan tradisi yang masih dikekalkan sehingga kini. Rakyat jepun juga sangat menghormati orang-orang tua dan kita dapat lihat dari amalan tunduk hormat rakyat Jepun yang sangat popular di seluruh dunia. Tunduk hormat seakan-akan 45 darjah ini menunjukkan betapa hormatnya mereka terhadap orang-orang tua.

Apa yang dapat kita jadikan iktibar disini ialah sejauh manapun kita mencapai kemajuan, jangan pernah dilupakan adat dan tradisi peninggalan nenek moyang kita kerana ini merupakan identity bangsa di negara kita. Adat dan tradisi inilah yang membentuk jati diri murni dalam hati anak bangsa dan memupuk kesepakatan dalam masyarakat yang berbilang kaum.

7.3 Tidak Membuang Masa

Masa merupakan satu perkara yang amat dititikberatkan oleh semua rakyat negara Jepun. Setiap agensi syarikat, pertubuhan, sekolah dan malah servis-servis keretapi sangat mengutamakan masa. Mereka sangat menghargai masa walaupun sesaat dan ini menyebabkan mereka sangat pantas dalam mencapai kemajuan kerana perkara-perkara yang dilakukan sangat produktif kerana tiada masa untuk 'melepak'. Di jepun, jika servis kereta api atau tren mengalami kelewatan walau hanya seminit, pekerja tren tersebut akan pergi ke setiap penumpang dan memohon maaf kerana telah merosakkan hari mereka. Mereka juga akan mengedarkan slip kepada pekerja dan pelajar sekolah dan slip ini menerangkan bahawa mereka mengalami kelewatan kerana kesilapan servis kereta api itu sendiri. Ini menunjukkan betapa tingginya nilai masa itu bagi rakyat Jepun dan betapa mereka menitikberatkan masa dan perihal orang lain.

Sebaliknya jika di Malaysia, kita sering mengambil ringan tentang masa dan selalunya kita tidak memikirkan tentang perihal orang lain. Sebagau contoh, ramai dari kalangan rakyat Malaysia tidak menepati masa dan sering menyalahgunakan istilah 'On The Way' dalam apa jua keadaan. Budaya sebegini amatlah membimbangkan kerana kita perlulah menghargai setiap masa yang diberikan dengan sebaiknya agar mewujudkan budaya kerja yang lebih cermat dan produktif.

7.4 Sentiasa Ingin Mempelajari Perkara Baharu.

Rakyat Jepun amat sinonim dengan semangat inkuiri yang tinggi. Secara dasarnya, negara Jepun bukanlah sebuah negara yang banyak memperkenalkan ciptaan baharu namun mereka sangat bijak dalam menginovasikan sesuatu yang sudah tercipta. Banyak syarikat-syarikat teknologi yang kita guna pakai hari ini datang dari Jepun dan syarikat-syarikat ini lebih banyak daripada negara-negara lain seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Terdapat sebuah kisah menarik tentang pengasah Bersama Sony iaitu Akio Morita yang telah menginovasikan pita kaset. Pita kaset bukanlah ciptaan syarikat Sony kerana cap dagangan ini dimiliki oleh syarikat Philip tetapi Sony telah menginovasikan ciptaan ini dan ia menjadi lebih terkenal dengan nama baru iaitu Walkman. Dikisahkan bahawa Akio Morita ditertawakan oleh orang sekeliling apabila beliau menyatakan impiannya mencipta sebuah pita kaset yang orang dapat bawa ke mana-mana sahaja. Ironinya Walkman telah menjadi satu inovasi yang berjaya dan sekitar 10 tahun dahulu, setiap remaja pasti memiliki Sony Walkman dan ini menunjukkan bahawa rakyat Jepun mempunyai kelas yang tiada tandingan dalam menginovasikan ciptaan.

8.0 Kesimpulan

Sepertimana yang telah dibincangkan secara terperinci mengenai etika oleh masyarakat Jepun, rakyat Malaysia haruslah mengambil cakna berkenaan cara hidup mereka dalam kehidupan seharian. Kita perlulah mencontohi dan mengaplikasikan ciri-ciri dan sifat-sifat positif yang terdapat pada masyarakat Jepun. Ini adalah kerana belia-belia di

Malaysia dilihat semakin kurang dalam penerapan sifat dan ciri positif dalam diri mereka. Dengan cara mempelajari gaya hidup masyarakat Jepun, ini dapat sedikit sebanyak memperkasakan lagi etika-etika yang dipamerkan oleh rakyat Malaysia. Seterusnya, usaha kerjasama oleh pelbagai pihak boleh dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai murni ke dalam setiap individu. Seperti contoh, ibu bapa boleh mendidik anak mereka dengan cara mempraktikkan etika masyarakat Jepun di rumah. Guru mereka juga boleh melakukan perkara yang sama memandangkan kebanyakan masa anak-anak ini digunakan ketika mereka berada di sekolah dan juga di rumah. Masyarakat yang beretika terbukti mampu untuk memajukan negara dan seterusnya dapat menaikkan martabat negara di mata dunia.

9.0 Rujukan

1. Suhana Saad & Kartini Aboo Talib Khalid(2015).Implimentasi budaya kerja Jepun dalam organisasi di Malaysia
[.http://journalarticle.ukm.my/9186/1/1x.geografia-jun15-suhana-edam.pdf](http://journalarticle.ukm.my/9186/1/1x_geografia-jun15-suhana-edam.pdf)
- 2.~Jenesys Program(2010).Program Pertukaran Pelajar dan Belia untuk Jaringan Jepun – Asia Timur Abad ke-21
<http://sv2.jice.org/jenesys/2011/06/22/pdf/houkoku/2010malaysia1houkokushoM.pdf>
3. 8 Cara Hidup Orang Jepun Yang Menarik Untuk Diketahui - LIVE JAPAN. (2019). Retrieved 24 January 2021, from <https://livejapan.com/ms/article-a0000689/>
- 4.<https://www.jomventures.com/menju-ke-negara-maju-8-perkara-yang-kita-boleh-belajar-dari-jepun/>
5. Helmi Effendy. (2017, September 2). *Mikado Meiji: Bapa Permodenan Jepun*. The Patriots. <https://www.thepatriots.asia/mikado-meiji-bapa-permodenan-jepun/>
6. <https://www.facebook.com/thevocket>. (2017, February 2). *Bagaimana Jepun Mampu Bangkit Di Bawah Pemerintahan Maharaja Muda*. VOCKET.
<https://www.thevocket.com/jepun-bangkit-pemerintahan-maharaja-meiji/>
7. Hironori Kato, Satoru Kobayakawa,(2020) Chapter 6 - Tokyo, Japan, Editor(s): Dorina Pojani, Jonathan Corcoran, Neil Sipe, Iderlina Mateo-Babiano, Dominic Stead, Parking, Elsevier, Pages 97-112
8. Kabuye, U., & Sulaiman. (2016). CIVILIZATION: HISTORY, DESCRIPTION, COMMON CHARACTERISTICS AND IMPORTANCE. *Journal of Education and Social Sciences*, 5. https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2016/11/JESOC5_25.pdf
9. Clements, J.(2017). *A Brief History of Japan: Samurai, Shogun an Zen: The Extraordinary Story of the Land of The rising Sun*. Tuttle Publishing
10. Yazriff, M. (2021). *Zaman Pemulihan Meiji*. Tripod.com. <https://ayeplah.tripod.com/>